

Kenaikan harga bahan bakar mungkin lewatkan PRU

Malaysiakini.com

May 17, 2011

Dari kenyataan pelbagai pemimpin kerajaan bahawa kerajaan tidak mampu lagi untuk mengekalkan tahap subsidi bahan bakar sekarang, maka kenaikan harga minyak petrol RON95 nampaknya tidak dapat dielakkan lagi.

Ia boleh mempengaruhi tarikh pilihan raya umum akan diadakan, dan beberapa pengulas politik dan ekonomi meramalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mungkin lewatkan tarikhnya untuk meredakan kesan harga minyak dan kadar inflasi yang tinggi, yang boleh menjejaskan kedudukan BN.

Bagaimanapun, langkah lewatkan pilihan raya umum boleh mendedahkan Najib kepada risiko yang lebih besar, memandangkan kesan inflasi akan berlanjutan, ditambah pula keadaan masa depan politik dan ekonomi antarabangsa yang tidak menentu.

Berbanding dengan subsidi gula yang dipotong baru-baru ini, rasionalisasi subsidi bahan bakar pasti memberi kesan lebih besar ke atas harga ekonomi dan harga pengguna, memandangkan ia akan menambah kos pengangkutan.

Jika kerajaan BN memilih untuk menaikkan harga bahan bakar sebelum pilihan raya umum, maka ia hanya akan memberi peluang kepada pembangkang memainkan isu kenaikan kos sara hidup yang telah terbukti dapat memudaratkan BN.

Dalam satu temubual, ketua publisiti DAP, DAP Tony Pua memberitahu Malaysiakini bahawa besar kemungkinan kerajaan tidak akan mengadakan pilihan raya dalam tempoh terdekat jika harga minyak RON95 dinaikkan.

"Jika harganya terus meningkat, maka pilihan raya akan ditangguhkan lagi," kata ahli parlimen PJ Utara itu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

<http://www.malaysiakini.com/news/164330>